

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

25. Huraikan dengan terperinci status terkini tapak pelupusan sampah di Persiaran Karpal Singh, Jelutong.
- (a) Apakah perancangan jangka panjang dan jangka pendek oleh Kerajaan Negeri untuk menangani permasalahan yang timbul di kalangan penduduk setempat misalnya pencemaran udara akibat kebakaran yang kerap berlaku, kekotoran dan sebagainya.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) merupakan tanah kerajaan negeri dan pengoperasian TPSJ adalah di bawah tanggungjawab Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh MBPP bagi menangani permasalahan yang timbul di TPSJ adalah seperti berikut:

- (i) Mengetatkan kawalan ke atas kemasukan sampah bercampur;
- (ii) Meningkatkan pemantauan di tapak dengan pemasangan CCTV tambahan;

- (iii) Melarang lori-lori daripada keluar terus ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, dan
- (iv) Meningkatkan kekerapan kerja pembersihan di jalan-jalan sekitar TPSJ mengikut keperluan semasa.

Bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Negeri akan melaksanakan "Projek Penutupan Selamat TPSJ, Penyediaan Tapak Baharu Bagi Sisa Buangan Bahan Binaan dan Marine Clay Dan Pembangunan Di Tapak Yang Telah Direhabilitasi". Projek ini secara keseluruhannya dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 15 tahun dan mampu meningkatkan nilai tanah TPSJ dan menjadi tarikan pelancongan yang baharu. Projek penutupan selamat TPSJ akan disiapkan dalam tempoh 5 tahun pertama.

Status terkini projek tersebut adalah, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan pelantikan PLB Engineering Berhad bagi pelaksanaan projek ini dan sedang menyediakan draf perjanjian untuk dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Projek Penutupan Selamat TPSJ dan Penyediaan Tapak Baharu Bagi Sisa Buangan Bahan Binaan dan Marine Clay hanya akan dimulakan sekiranya Laporan *Environment Impact Assessment* (EIA) bagi kedua-dua komponen projek telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.